


WAKAF BAS SEKOLAH UNTUK YATIM & ASNAF



Pendidikan ALAM adalah mod pendidikan utama RPWP. Beberapa buah bas sedang dicari. Kami memikirkan perolehan melalui konsep,

1. Wakaf unit dari perseorangan atau syarikat
2. Wakaf dana secara kolektif (KONGSI WAKAF)
3. Pelupusan hadiah dari unit terpakai yang ingin dilupus atau lucut hak oleh jabatan kerajaan, syarikat korporat, pengusaha BAS dan sebagainya.
4. Unit yang ingin dijual segera dengan diskaun wakaf atau dengan harga berpatutan.

Anda juga boleh usulkan kepada mereka yang anda tahu memiliki kemampuan mewakaf sebuah bas atau ikut serta program KONGSI

WAKAF. Anda boleh menyalurkan dana WAKAF BAS mengikut kemampuan ke akaun RPWP seperti di bawah. Setelah wang itu cukup, kami akan membeli BAS dan memperbaikinya di mana perlu.

PENDIDIKAN ALAM

Mod Pendidikan Islam terhadap para Nabi berlaku secara ALAM. Apa yang berlaku pada hari ini ialah pendidikan secara QALAM (Akademik). Di RPWP anak-anak diberikan keseimbangan pendidikan qalam & alam. Namun, penekanan adalah pada pendidikan secara alam.

Inilah gaya pendidikan bagaimana Nabi Musa belajar dengan nabi Syuib, juga belajar dengan Nabi Hidir tanpa ada kelas. Dengan Nabi Hidir, Musa a.s. hanya mengikuti perjalanan dan melihat bagaimana baginda melaksanakan siyyasah semasa dalam perjalanan. Begitu juga bagaimana Musa a.s. belajar dengan bekerja bersama-sama Nabi Syuib.

Nabi Sulaiman juga tidak pernah masuk universiti tetapi pendidikan baginda adalah melalui konsep alam apabila baginda mengikuti ayahandanya Nabi Daud sepanjang masa dan memerhati. Begitulah juga dengan nabi-nabi lain yang tidak bersekolah dan mendapat pendidikan secara qalam yang berjadual padat seperti kita sekarang tetapi mereka belajar SECARA ALAM.

Pada era moden pula, Sultan Mehmet Alfateh mendapat pendidikan dual mode iaitu pendidikan QALAM & ALAM. Alhamdulillah walaupun jumlah masa belajar anak-anak RPWP agak kurang berbanding pelajar lain (hanya sekitar 1.5 jam sehari) tetapi mereka mampu mendapat keputusan akademik yang baik berbanding anak-anak yang tumpuan ulangkaji mereka tidak boleh dikacau. Anak-anak Prihatin dibiasakan dengan kerja tangan, membantu orang tua, berkebun, menternak ikan dan pelbagai aktiviti ALAM yang menjadi modul integrasi segala pendidikan qalam yang mereka dapat di dalam kelas.

Sementara itu anak-anak RPWP meneruskan alam pembelajaran di setiap musim cuti tatkala anak-anak lain sedang bercuti. Dalam

kem cuti sekolah ini anak-anak dibawa mengembara untuk mengembangkan minda dan pembelajaran melalui proses penelitian alam. Ini kerana pengajian al-quran yang kami terapkan kepada mereka menuntut mereka keluar meneliti segala petunjuk dari alquran yang banyak Allah kaitkan dengan unsur alam. Membacakan kalam/teks bukit, pokok, sungai, lembu, kera dan sebagainya tidak akan lengkap tanpa membawa anak ini berjalan meneliti sendiri apa yang dibaca secara alami. Kerana itu maka pembelajaran kalam tidak akan sekali kali dapat disempurnakan kefahamannya.

APAKAH KAITAN PENDIDIKAN ALAM DENGAN BAS?

Semua kita tahu sabda nabi s.a.w. “solat itu ialah doa/seru” (Assolaatud du’a). Inilah aktual dari ritual solat yang harus kita kembangkan praktik aktualnya melalui mekanisma pengaliran ilmu dan proses dakwah. Dalam kembara pendidikan ada banyak waktu senggang yang terbazir. Kita tidak seharusnya membiarkan anak-anak dalam keadaan terbiar tidak terpantau pemikirannya, mengelamun tanpa fungsi diri menzikirkan ilmu Allah sewaktu dalam perjalanan. Apatah lagi membiarkan anak-anak membuat kerosakan, membuat lagho, bermain-main dengan berbagai gajet serta bergurau senda sesama sendiri sepanjang perjalanan.

Surah Al-Baqarah Ayat 238

حفظوا peliharalah

على atas

الصلوات segala solat (solawat)

والصلاة dan solat (solawat)

الوسطى wustha (pertengahan/perantaraan)

وقوموا dan berdirilah

لله untuk Allah

قنتين dengan tunduk

Perhatikan juga AYAT 239 yang kami sertakan dalam gambar hiasan.

Apa yang kita takutkan ialah apabila murobbi terlalai maka

anak-anak akan menjadi lagho. Seminit kita terlepas dari zikir mengingati Allah dan Rasul melalui pendidikan dan tarbiah, maka saat itu tiada hubungan (silah) kita dengan Allah dan Rasul dalam minda kita. Jadi dengan mengumpulkan anak-anak dalam satu kenderaan besar yang ada kelengkapan audio visual, mudah kita kendalikan program tarbiah untuk mereka. Sekurang-kurangnya melalui penjelasan oleh para murobbi merujuk persekitaran alam yang sedang mereka lalui atau tayangan dokumentari agama yang boleh menarik fokus minda mereka kepada Allah. Apabila telah aman boleh kita kemaskan kefahaman mereka di dewan dengan lebih sempurna.

Selama ini kami terpaksa menggunakan sekitar 15 buah MPV dan 2 buah kenderaan utiliti (pickup) terpakai untuk membawa bekalan keperluan, peralatan pandang dengar serta alatan bengkel untuk membaiki sebarang kerosakan kenderaan di perjalanan. Belanja perjalanan menjadi sangat tinggi di samping masalah yang melibatkan pemandu yang ramai. Kerana itu kami tidak mampu untuk melakukannya selalu sedangkan itu adalah WADAH pendidikan yang utama untuk anak kami.

Mengatur anak-anak yang ramai untuk dalam kenderaan yang banyak juga sangat rumit, khasnya di setiap kali berlakunya perhentian dan keberangkatan semula. Paling mengerikan ialah pengalaman anak OKU kami yang hampir dilanggar kereta bila berlaku kerosakan di lebuh raya pada salah satu dari mana-mana unit kenderaan dalam konvoi kami. Kerosakan luarjangka ini sering berlaku kerana kami menggunakan kenderaan lama / terpakai.

Lebih penting lagi ialah untuk menyatukan aktiviti penerangan secara berpusat yang sukar dilakukan apabila anak-anak berpecah-pecah dalam banyak unit kenderaan. Pemandu terpaksa fokus pada pemanduan lalu pendidikan anak-anak terputus sewaktu perjalanan sedangkan bagi mereka 'masa itu emas'. Itu adalah satu kerugian besar dalam usaha memanfaatkan waktu dan subjek pembelajaran yang hadir sepanjang perjalanan tanpa ulasan MURROBBI.

OLEH ITU, RPWP sangat memerlukan beberapa unit bas untuk melanjutkan jangkauan pendidikan sehingga anak-anak ini mampu melihat lebih jauh dan mampu menjadi pemimpin yang hebat pada masa akan datang. Insyaallah hasil pendidikan mereka ini boleh dimanfaatkan untuk ikut sama mendidik anak cucu kita di masa depan. Sebelum ini, hanya setahun sekali atau 2 kali sahaja mereka dapat keluar dari RPWP untuk membuat lawatan-lawatan ke luar.

JIKA ANDA ADA UNIT BAS LAMA yang masih berfungsi dan ingin dilupuskan juga boleh dipertimbangkan. Kami mungkin usahakan untuk dijadikan motorhome bagi kemudahan penginapan dan persalinan alakadar di lokasi pengembaraan untuk program pembelajaran di lingkungan alam. Ia juga bagi memudahkan murobbi yang menyusukan anak, yang sakit atau menempatkan golongan OKU dan warga emas. Ia juga dapat menjimatkan kos penginapan, khususnya kepada pengiring dewasa / MUROBBI.

KAMI TAK BAWA ANAK KAMI MELAWAT LEGOLAND ATAUPUN LAWATAN KE WATERPARK. Lawatan yang biasanya diatur ialah lawatan-lawatan seperti berikut;

- Lawatan Kasih : Warga Emas
- Lawatan bantuan kemanusiaan : Membaiki Rumah dan membersihkan kawasan rumah Warga Emas, ibu tunggal, asnaf miskin, mangsa bencana alam dan sebagainya.
- Lawatan Sejarah : menelusuri jejak perjalanan hidup para Pengasas RPWP untuk membuka mata dan hati anak-anak tentang hakikat ujian dalam kehidupan,
- Lawatan keraian dan kematian – memenuhi jemputan keraian di majlis seperti buka puasa, khatam quran, kenduri kahwin, tahlil, pengkebumian dan sebagainya.
- Lawatan pendidikan – menghadiri kursus, seminar, kem motivasi, lawatan ke tempat bersejarah, pusat sains, zoo, muzium dan sebagainya.

KEPERLUAN BAS JUGA UNTUK MENGHANTAR ANAK-ANAK KE SEKOLAH.

Hari ini kami menggunakan beberapa buah MPV dan van untuk tujuan itu. Di samping menjimatkan kos, ia turut mengurangkan PEMBAZIRAN TENAGA KERJA jika tidak menggunakan banyak kenderaan dan pemandu. Sukarelawan sepenuh masa yang sama juga diperlukan untuk kerja-kerja membina rumah, memasak dan menguruskan pendidikan anak-anak pra-sekolah (yang kini di bawah konsep 'Home Schooling' kelolaan RPWP sepenuhnya).

PEMBUKAAN WAKAF.

Alhamdulillah, selepas kejayaan wakaf Quran yang lalu dan "kegagalan" Wakaf Kren (tetapi kami beli juga dengan wang simpanan yang ada), kami harap Wakaf Bas ini mampu mendapat tempat di hati. Bas yang bakal membawa anak-anak yatim, asnaf, tahfiz dll untuk belajar dan pelajaran itu bakal dimanfaatkan sepanjang zaman untuk pembangunan generasi kita dan itu semua adalah bahagian pelaburan akhirat buat kita semua.

Berikut ini ialah butiran akaun kami.

1. MBB (UNTUK ON-LINE ATAU CEK – sebab kemudahan MBB2U)

NAMA AKAUN : PRIHATIN SERVICES

BANK : MBB, KAJANG BRANCH

ACC NUMBER : 5620 2160 7398

2. MBB (UTK CEK SAJA).

NAMA : PER KEB RMH PENGASIH WARGA PRIHATIN 2012

BANK : KAJANG BRANCH

ACC NUMBER : 562021611721

3. Jika anda hanya ada CIMB sebagai pilihan, kami berikan No. akaun Sukarelawan kami,

No. AKAUN : 14670007074521

NAMA : JOHARI IBRAHIM

WAKAF itu satu pelaburan sepanjang zaman. Sepertimana saham wakaf al-Quran Per Kata yang telah anda sertai baru-baru ini, juga wakaf Sekolah yang bakal kami lancarkan sedikit masa lagi, InsyaAllah WAKAF UNTUK SISTEM SEKOLAH BERGERAK ini akan

kekal beroperasi selagi SEKOLAH INTERGRASI yang kami usahakan masih berjalan. Selama itulah juga ganjaran dari saham wakaf ini terus mengalir bertali arus.

Semuga amal dari segala ilmu yang dapat digarap dan dimanfaatkan oleh generasi anak-anak silih berganti ini nanti menjadi bekal akhirat untuk kita yang bakal pergi meninggalkan mereka. Insyaallah dengan kemudahan ini jumlah pengambilan ke dalam KEM CUTI SEKOLAH boleh ditambah bagi memenuhi permintaan ibu bapa yang selama ini tidak dapat kami penuhi.

Sebarang pertanyaan boleh ajukan samada melalui Inbox Warga Prihatin, email prihatin@live.com atau Whatsap / SMS 013-5858789, 5858700. Biarpun seringgit, kami mohon maklumkan juga untuk tujuan rekod, akad dan doa. Selamat berwakaf.

SEKOLAH INTERGRASI PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT

[Warga Prihatin](#)